

TEMA 2 : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN
UNIT 4 : BAHAYA DALAM SENYAP

PAK-21 Hot Seat STEAM


Arahan:

- 1 Aktiviti susulan selepas murid membuat bacaan dan kajian secara individu atau berkumpulan.
- 2 Seorang murid akan duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi pakar atau watak.
- 3 Pakar atau watak ini akan menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh murid lain.
- 4 Guru boleh membantu murid menyediakan soalan berdasarkan gambar.

Contoh gambar :

Awas Cuaca PANAS

Hari Yang Panas	➡ Suhu 35 – 37°C
Hari Yang Sangat Panas	➡ Suhu melebihi 37°C
Gelombang Haba	➡ Suhu melebihi 35°C 5 hari berturut-turut
	Suhu melebihi 37°C 3 hari berturut-turut



UNIT 5 : KEBERSIHAN DIRI DAN PERSEKITARAN

PAK-21 Inside Outside Circle

Arahan:

- 1 Murid dikehendaki mencari pasangan masing-masing.
- 2 Murid membentuk dua bulatan iaitu di dalam bulatan (bulatan 1) dan satu di luar bulatan (bulatan 2)
- 3 Murid berdiri menghadap pasangan.
- 4 Guru memberikan soalan kepada murid dalam bulatan 1. Murid dalam bulatan 2 akan menjawab.
- 5 Murid memberikan pujian atau membetulkan jawapan rakan.
- 6 Murid bertukar peranan dengan soalan baharu.
- 7 Guru boleh menyediakan gambar atau rajah berkaitan tajuk.

Contoh gambar :



PENCEMARAN SUNGAI



UNIT 6 : MINDA SIHAT

Aktiviti **PAK-21** Match-Mine



Arahan:

- 1 Empat orang murid berada dalam satu pasukan.
- 2 Setiap dua orang mencari pasangan dalam pasukan tersebut.
- 3 Setiap pasangan diberikan kad untuk memisahkan mereka.
- 4 Murid 1 mengarahkan Murid 2 melukis atau meneka gambar yang ada pada Murid 1 (Murid 2 tidak dapat melihat apa yang dipegang oleh Murid 1. Apa yang ditulis atau diteka bergantung kepada kefahaman arahan atau mesej Murid 1.)
- 5 Murid bertukar peranan.